

13 SEP 1998

Komanwel-Ragbi-Perbarisan

DR MAHATHIR DAN LOMU JADI TUMPUAN

Oleh: Muammar Kamarudin dan Ian Telford

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jaguh ragbi New Zealand, Jonah Lomu menjadi tumpuan peminat pada majlis pembukaan rasmi kejohanan ragbi tujuh sebelah Sukan Komanwel ke-16, di sini.

Perbarisan pasukan-pasukan pada hari kedua kejohanan di Stadium Petaling Jaya di sini hari ini disambut dengan sorakan hangat penonton.

Pasukan Malaysia ialah yang terakhir memasuki stadium dan memberi hormat istimewa kepada Perdana Menteri dengan disambut oleh sorakan daripada penonton.

Dengan tersenyum, Dr Mahathir bangun dan melambai kepada pemain Malaysia itu yang memakai jersi warna kuning dan biru.

Pasukan New Zealand, yang termasuk pemain handalnya, Jonah Lomu juga mendapat sambutan hangat daripada peminat. Bagaimanapun pengadil dan penjaga garisan menerima nasib kurang baik apabila diejek oleh penonton.

Kesemua 18 pasukan yang menyertai kejohanan ini mengambil bahagian dalam perbarisan itu yang yang didahului oleh pancaragam Sekolah Henry Gurney, Melaka.

-- BERNAMA

IT MK zb